

## SUMBANGAN ANDRIES TEEUW: PERSPEKTIF MALAYSIA<sup>1</sup>

Awang Azman Awang Pawi\*

### Pendahuluan

Tanggal 18 Mei 2012 yang lalu merupakan hari duka kepada pengkaji kesusasteraan Asia Tenggara apabila Profesor Dr. Andries Teeuw telah menghembuskan nafas terakhir di Leiden, Belanda. Pemergian ini merupakan kehilangan besar dalam dunia sastera Melayu-Indonesia. Dalam dunia sastera Asia Tenggara. Khususnya sastera Indonesia dan Malaysia, sesiapa yang tidak mengenal nama dan tulisan Teeuw belumlah lagi lengkap minat dan keserjanyaannya. Demikian signifikan Teeuw dalam dunia sastera.

Saat keputungan ke alam abadi, usianya mencecah 91 tahun. Namun lewat menempuhi usia tersebut pemikirannya masih lagi tajam, setajam ingatan dan minatnya terhadap kesusasteraan Melayu-Indonesia. Buktinya, beliau masih menulis dan turut menyumbang tulisan akademik yang terbit pada tahun 2011 berkenaan naratif panjang Jawa kuno iaitu Kakawin Bhomantaka. Sebenarnya minat terhadap kakawin Bhomantaka kuno yang membawanya ke dunia akademik dan ini dilakukannya hingga memperoleh doktor falsafah pada tahun 1946.

Pada usia yang lewat juga atas nama minat dan ghairah dalam dunia sastera, beliau bersama-sama sasterawan Negara Profesor Muhammad Haji Salleh, Roger Tol dan beberapa teman menyunting dan menerbitkan ,4 *Merry Senhor in the Malay World* yang diterbitkan oleh Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde atau dikenali sebagai KITLV Press, penerbit tersohor di Eropah dalam kajian Melayu-Indoneisa. Dalam penelitian dan suntingan tersebut kita dapat memasuki dunia budaya Melayu dalam karya seni Syair Sinyor Kosta. Di sinilah dapat dirungkai hubungan intim Melayu-Cina, sudut jiwa dan pandangan yang sesuai dengan pengetahuan luas beliau dalam ilmu filologi.

Keakraban kalangan pengkaji sastera terhadap nama Teeuw tanpa disedari menghilangkan nama penuh beliau sebenar, iaitu Andries "hans" Teeuw yang merupakan anak kelahiran sebuah kota kecil yang diasaskan petani dan nelayan lebih 100 tahun dahulu selatan Belanda di sebuah wilayah bernama Gorinchem yang penduduknya kini hanya sekitar 35 ribu jiwa. Dengan latar dunia kolonial, Teeuw menjadi pelajar Indologi di Leiden pada tahun 1938. Beliau berpeluang menjadi anak didik J Gonda terkenal

---

\* Institut Pengajian Asia Timur. Universiti Malaysia Sarawak

dalam penguasaan dan pengucapan tinggi bahasa Jerman dan Belanda yang terungkap dalam kajian ilmiah ilmu filologi dan perbandingan agama.

Berbanding dengan mahagurunya, iaitu Profesor J Gonda, Teeuw dapat mengimbangkan dunia 'ilmu kolonial' dengan pengetahuan amali ke lapangan. Disertasi doktor falsafah Teeuw diperoleh di University Utrecht dan pernah menjadi pensyarah kesusasteraan Melayu di Universitas Indonesia. Di sinilah beliau membantu jaringan ilmu akademik Indonesia-Belanda dan kerjasama ilmu antara institusi ilmu. Buku pertama berjudul *Pokok dan Tokoh* dihasilkan dalam bahasa Belanda kemudian diterjemahkan dan dikemaskini dalam bahasa Indonesia pada awal 1950-an. Tidak lama kemudian beliau kembali di Belanda dan menjadi pensyarah Bahasa dan Kesusasteraan Melayu-Indonesia di University Leiden.

Dalam suasana era pascakolonial, dunia sastera Malaysia dalam pembinaan dan jarang mendapat perhatian antarabangsa khususnya pada tahun 60-an. Suasana abang besar-adik kecil kesusasteraan Indonesia dan Malaysia semacam suatu inferioti. Hampir kesemua sasterawan nasional memandang sastera di Indonesia yang memiliki penyair besar seperti Amir Hamzah dan Chairil Anwar. Karya seperti *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, *Siti Nurbaya*, *Salah Asohan* sungguh bergema. Tidak kurang pula, nama seperti Sultan Takdir Allishjabna Bana, H.B Jassin yang menjadi gergasi sastera dan budaya di Nusantara.

### **Pak Samad dan Salina: Karya Agung Moden**

Sastera kebangsaan moden di Malaysia masih terlalu baru dari segi ukuran eksperimen bentuk dan isi khususnya pada awal kemerdekaan. Dalam situasi itu, Pak Samad Said merupakan pengarang muda (23 tahun ketika itu) yang hidup dengan persekitaran lingkaran kemiskinan rakyat. Beliau menghasilkan novel *Salina*, asalnya berjudul *Gerhana* yang cuma menang hadiahpenghargaan dalam Peraduan Penulisan Novel 1958. Novel tersebut kemudian diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Apabila Profesor Teeuw datang untuk memberi ceramah berjudul "Sastera Melayu Moden Yang Say a Baca" dan diterbitkan di *Dewan Bahasa* pada tahun November 1964 beliau memberikan komen bahawa novel *Salina* (1961) telah mencapai peringkat antarabangsa. Novel berkisar mengenai Hilmi (bayangan hidup Pak Samad) semasa kecil dengan jirannya *Salina* yang terpaksa mengharangi jalan hidup perit dengan cara pelacuran. Kehidupan setingan di kampung kambing begitu "natural istik'